

Mesej Enam

**Kristus Merupakan Rehat Sabat Kita,  
Ditamsilkan oleh Tanah Permai Kanaan**

Bacaan Bible: Ibr. 3:7—4:13

- I. Jika kita ingin mempunyai pemahaman yang wajar tentang rehat Sabat dalam buku Ibrani, kita perlu mengetahui makna rehat Sabat yang disebut untuk kali pertama dalam Bible—Kej. 2:2-3:**
- A. Tuhan berehat pada hari ketujuh kerana Dia telah menyelesaikan kerja-Nya dan dipuaskan; kemuliaan Tuhan dimanifestasikan kerana manusia mempunyai imej-Nya, dan autoriti-Nya berserta dominion-Nya sudah hendak dilaksanakan untuk menundukkan musuh-Nya, Syaitan—1:26.
  - B. Apabila terdapat manusia yang mengekspresikan Tuhan dan mewakili Tuhan di bumi, itu merupakan rehat Sabat kepada Tuhan; rehat Sabat sebenarnya ialah kepuasan Tuhan dalam hasrat hati-Nya—ay. 26-28; Ibr. 2:6-8a.
  - C. Hari ketujuh Tuhan ialah hari pertama manusia; selepas manusia dicipta, dia tidak menyertai kerja Tuhan, sebaliknya dia memasuki rehat Tuhan; manusia dicipta bukan untuk bekerja tetapi dipuaskan dengan Tuhan dan berehat bersama dengan Tuhan—bd. Mat. 11:28-30.
  - D. Hari Sabat menandakan bahawa Tuhan telah melakukan segala-gala, menyempurnakan segala-gala, dan menyediakan segala-gala dan bahawa manusia harus menghentikan segala kerjanya; mematuhi hari Sabat bererti menghentikan kerja kita dan menerima Tuhan serta segala yang telah disempurnakan-Nya untuk kita sebagai kenikmatan, rehat, dan kepuasan kita; inilah ekonomi Tuhan—Kel. 20:8.
  - E. Yerusalem Baru akan menjadi rehat Sabat Tuhan yang muktamad dan abadi kerana di situ semua pekudus yang ditebus akan mengekspresikan Tuhan sepenuhnya dalam kemuliaan dan meraja dengan autoriti Tuhan hingga keabadian—Wahi 21:10-11; 22:1, 4a, 5b.
- II. Rehat Sabat ialah Kristus sebagai rehat kita, ditamsilkan oleh tanah permai Kanaan (Ul. 12:9; Ibr. 3:7—4:13); Kristus ialah rehat kepada pekudus dalam tiga peringkat:**
- A. Pada zaman gereja, Kristus syurgawi, iaitu Dia yang telah mengekspresikan, mewakili, dan memuaskan Tuhan dan yang berehat daripada kerja-Nya serta duduk di sebelah kanan Tuhan di syurga-syurga, ialah rehat kita dalam roh kita (Mat. 11:28-29); rehat Sabat dalam Ibrani 4:9 ialah Kristus sebagai rehat kita, ditamsilkan oleh tanah permai Kanaan (Ul. 12:9; Ibr. 4:8).
  - B. Dalam kingdom milenium, setelah Syaitan dihapuskan dari bumi ini (Wahi 20:1-3), Tuhan akan diekspresikan, diwakili, dan dipuaskan oleh Kristus dan pekudus yang jayeng; kemudian Kristus bersama dengan kingdom akan menjadi rehat yang paling penuh kepada pekudus jayeng yang akan menjadi raja bersama-sama-Nya (ay. 4, 6), berkongsi dan menikmati rehat-Nya.
  - C. Di langit baru dan bumi baru, setelah semua musuh, termasuk maut, iaitu musuh yang terakhir, ditundukkan kepada-Nya (1 Kor. 15:24-27), Kristus sebagai Penakluk segala sesuatu akan menjadi rehat yang paling penuh kepada semua umat yang ditebus Tuhan hingga keabadian.
  - D. Rehat Sabat yang disebut dalam Ibrani 4:8-9 merujuk kepada Kristus sebagai rehat kita dalam dua peringkat yang pertama, terutamanya peringkat kedua—rehat yang masih tinggal; kita harus berusaha mencari dan memasuki rehat ini:

## GARIS KASAR LATIHAN

### Mesej Enam (sambungan)

1. Rehat yang ada dalam dua peringkat yang pertama ialah hadiah bagi pencari Tuan yang tekun, yang menikmati-Nya dengan sepenuhnya lalu menjadi pejayeng; rehat dalam peringkat ketiga bukanlah hadiah tetapi bahagian penuh yang diperuntukkan kepada seluruh umat yang ditebus.
2. Dalam peringkat kedua Dia menjadi rehat kita, Kristus akan memiliki seluruh bumi sebagai harta warisan-Nya untuk dijadikan kingdom-Nya selama seribu tahun—Mzm. 2:8; Ibr. 2:5-6.
3. Dalam peringkat kedua Kristus menjadi rehat kita, semua percayawan-Nya yang jayeng yang mencari-Nya dan menikmati Dia sebagai rehat mereka dalam peringkat pertama akan meraja bersama dengan-Nya dalam milenium (Wahi 20:4, 6; 2 Tim. 2:12); mereka akan mewarisi bumi (Mat. 5:5; Mzm. 37:11; Luk. 19:17, 19), dan mereka akan berbahagian dalam kegembiraan Tuan mereka (Mat. 25:21, 23).

### III. Kita perlu memberikan perhatian kepada kata-kata Tuan dalam Matius 11:28-30—**“Datanglah kepada-Ku, semua yang berjerih dan berbeban berat; Aku akan memberi kamu rehat. Pikullah kuk Aku padamu dan belajarlah daripada-Ku, kerana Aku lembut-halus dan rendah hati, maka kamu akan beroleh rehat untuk sukamu. Kerana kuk Aku mudah dan beban-Ku ringan”**:

- A. Jerih bukan sahaja merujuk kepada jerih dalam usaha mematuhi perintah-perintah hukum dan regulasi keagamaan, tetapi juga kepada jerih dalam pergelutan ingin berjaya dalam apa jua kerja; sesiapa yang berjerih sedemikian selalu berbeban berat.
- B. Rehat bukan sahaja menunjukkan dibebaskan daripada jerih dan beban di bawah hukum atau agama atau sebarang kerja atau tanggungjawab, tetapi juga damai sejahtera yang sempurna dan kepuasan yang penuh.
- C. Memikul kuk Tuan ialah mengambil kehendak Bapa; ini bukan diatur atau dikawal oleh sebarang kewajipan hukum atau agama, atau diperabdikan oleh sebarang kerja, melainkan didesak oleh kehendak Bapa.
- D. Tuan menjalani kehidupan sedemikian; Dia tidak mengambil berat tentang apa jua kecuali kehendak Bapa-Nya (Yoh. 4:34; 5:30; 6:38; Yes. 42:4a; bd. 53:2; 11:1-4a); Dia tunduk sepenuhnya kepada kehendak Bapa (Mat. 26:39, 42); oleh itu, Dia meminta kita agar belajar daripada-Nya (Ef. 4:20-21).
- E. Lembut-halus atau lemah lembut bermakna tidak melawan sebarang penentangan, dan rendah hati bermakna tidak memandang tinggi terhadap diri sendiri; Dia tunduk sepenuhnya kepada kehendak Bapa-Nya, tidak ingin melakukan apa-apa untuk diri-Nya atau berharap untuk mendapatkan sesuatu untuk diri-Nya; oleh itu, tidak mengira apa jua situasi, Dia mempunyai rehat dalam hati-Nya; Dia berpuas hati sepenuhnya dengan kehendak Bapa.
- F. Rehat yang kita peroleh dengan memikul kuk Tuan dan belajar daripada-Nya adalah untuk sukma kita; ini ialah rehat dalaman, bukan apa-apa yang bersifat luaran.
- G. Kuk Tuan ialah kehendak Bapa dan beban-Nya ialah kerja untuk melaksanakan kehendak Bapa; kuk sedemikian adalah mudah, tidak perit, dan beban sedemikian adalah ringan, tidak berat—bd. Mal. 3:14.
- H. Kuk-Nya mudah bererti bahawa kuk-Nya, iaitu kehendak Bapa, adalah baik, ihsan, lemah lembut, sederhana, mudah, menyenangkan—berlawanan dengan keras, kasar, tajam, perit.

Mesej Enam (sambungan)

**IV. Keluaran 31:12-17 mewahikan bahawa hari Sabat datang selepas arahan pembinaan tabernakal:**

- A. “Sudah pasti kamu harus mematuhi hari Sabat-Ku, kerana itulah tanda antara Aku dengan kamu dari generasi ke generasi supaya kamu tahu bahawa Akulah Yehova yang menguduskan kamu...Oleh itu, bani Israel harus mematuhi hari Sabat, untuk merayakan hari Sabat dari generasi ke generasi sebagai waadah yang berkekalan. Itulah tanda antara Aku dengan bani Israel buat selama-lamanya; kerana dalam enam hari Yehova menjadikan langit dan bumi, dan pada hari ketujuh Dia berehat dan disegarkan semula”—ay. 13, 16-17.
- B. Pada hari ketujuh, Tuhan “berehat dan disegarkan semula”; manusia menyegarkan semula Tuhan kerana manusia dicipta menurut imej Tuhan sendiri dengan mempunyai roh agar manusia dapat bersekutu dengan Tuhan dan menjadi teman dan pasangan Tuhan.
- C. Kita perlu melihat prinsip divin yang berikutnya—Tuhan mula-mula membekali kita dengan kenikmatan, dan kemudian kita bekerja bersama dengan-Nya; untuk menjadi satu dengan Tuhan dalam kerja-Nya, kita harus menikmati-Nya.
- D. Pada Hari Pentakosta, disipal-disipal dipenuhi kenikmatan terhadap Tuan—“mereka dipenuhi wain baru” (Kis. 2:13); kemudian Petrus dan sebelas orang dutus itu berdiri dan bekerja bersama dengan Tuan (ay. 14).
- E. Bagi Tuhan, hal ini bekerja dan berehat; bagi manusia pula, hal ini berehat dan bekerja; kemudian kita bekerja dengan Tuan dengan menjadi satu dengan-Nya.
- F. Sebagai umat Tuhan, kita harus membawa satu tanda bahawa kita memerlukan Tuhan untuk menjadi kekuatan, tenaga, dan segala-gala kita agar kita dapat bekerja bersama dengan-Nya demi pembinaan gereja sebagai Tubuh Kristus; hal ini akan menghormati dan memuliakan-Nya—1 Kor. 15:10, 58.
- G. Tanda yang kita bawa ialah kita berehat dengan Tuhan, menikmati Tuhan, kita disegarkan semula oleh Tuhan, dan dipenuhi Tuhan terlebih dahulu; barulah kita bekerja bersama dengan Dia yang memenuhi kita dalam kesatuan dengan-Nya; inilah waadah abadi, perjanjian abadi, dengan Tuhan.

**V. Sarana untuk menikmati Kristus sebagai tanah permai ialah sabda Tuhan yang hidup dan beroperasi yang “lebih tajam daripada sebarang pedang yang bermata dua, dan menusuk sehingga memisahkan sukma dan roh serta sendi dan sumsum, dan berupaya mentamyizkan pemikiran dan niat hati”—Ibr. 4:12:**

- A. Bani Israel ialah tamsil bagi kita, iaitu percayawan Wasiat Baru (1 Kor. 10:6a, 11), dalam hal kita berbahagian dalam penyelamatan penuh Tuhan:
  - 1. Dalam peringkat pertama, kita menerima Kristus dan ditebus serta diselamatkan dari dunia, sebagaimana bani Israel diselamatkan dari Mesir.
  - 2. Dalam peringkat kedua, kita menjadi orang yang berkelana semasa mengikut Tuan, sebagaimana bani Israel berkelana di gurun tandus; perkelanaan kita sering berlaku dalam sukma kita.
  - 3. Dalam peringkat ketiga, kita berbahagian dalam dan menikmati Kristus dengan sepenuhnya, sebagaimana bani Israel telah berbahagian dalam dan menikmati kekayaan tanah permai itu; ini dialami dalam roh kita.
  - 4. Percayawan Ibrani bingung dalam minda mereka tentang apa yang harus dilakukan oleh mereka terhadap agama Ibrani mereka, dan kebingungan dalam minda mereka ialah perkelanaan dalam sukma mereka, bukan pengalaman terhadap Kristus dalam roh mereka.

## GARIS KASAR LATIHAN

### Mesej Enam (sambungan)

- B. Penulis buku Ibrani menasihati percayawan Ibrani agar jangan berlegar dalam perkelanaan sukma mereka, sebaliknya maju ke dalam roh mereka untuk berbahagian dalam dan menikmati Kristus syurgawi:
1. Kristus yang sedang duduk di atas takhta di syurga (Roma 8:34) juga berada dalam kita sekarang (ay. 10), iaitu dalam roh kita (2 Tim. 4:22), tempat terletaknya kediaman Tuhan (Ef. 2:22).
  2. Di Betel, iaitu rumah Tuhan, kediaman Tuhan, yang juga merupakan pintu syurga, Kristus ialah tangga yang menghubungkan bumi dengan syurga dan membawa syurga ke bumi (Kej. 28:12-17; Yoh. 1:51); memandangkan roh kita hari ini ialah tempat kediaman Tuhan, maka roh kita sekarang ialah pintu syurga, di sini Kristus ialah tangga yang menghubungkan kita, manusia di bumi, dengan syurga, dan membawa syurga kepada kita.
  3. Oleh itu, setiap kali kita berpaling kepada roh, kita masuk menerusi pintu syurga dan menyentuh takhta kurnia di syurga menerusi Kristus sebagai tangga syurgawi—Ibr. 4:16.
  4. Percayawan Ibrani yang berlegar-legar berkelana dalam sukma mereka dan telah mengabaikan roh mereka, namun wasiat baru sama sekali ialah perkara dalam roh kita, bukan dalam sukma kita—Roma 8:16; 2 Tim. 4:22; Gal. 6:18.
- C. Sukma percayawan Ibrani dengan minda yang kebingungan, yang meragui cara penyelamatan Tuhan, dan yang mempertimbangkan kepentingan sendiri, harus dihancurkan oleh sabda Tuhan yang hidup, beroperasi, dan menusuk agar roh mereka dapat dipisahkan daripada sukma mereka—Ibr. 4:12:
1. Sebagaimana sumsum tersembunyi jauh di dalam sendi, begitu juga roh tersembunyi jauh di dalam sukma; sebagaimana pemisahan sumsum daripada sendi terutamanya memerlukan pemecahan sendi, pemisahan roh daripada sukma memerlukan pemecahan sukma—1 Ptr. 3:4.
  2. Setiap kali kita membaca Bible, pembacaan kita haruslah hidup, memberi tenaga, dan cukup tajam untuk memisahkan sukma kita daripada roh kita serta mentamyizkan pemikiran dan niat hati kita, dengan mendedahkan apa yang daripada diri dan untuk diri dan apa yang daripada Tuhan dan untuk Tuhan; kita harus mengaulkan sabda dengan iktikad melalui segala doa dalam roh agar sabda itu menjadi hidup dan beroperasi—Ibr. 4:2; Ef. 6:17-18.
  3. Sabda Tuhan yang hidup harus menusuk ke dalam diri kita dan menyelamatkan kita daripada minda kita yang bingung dan sukma kita yang berkelana, ke dalam Kristus yang merupakan rehat Sabat dalam roh kita; kita tidak harus menjadi orang yang berlegar dalam perkelanaan sukma kita, tetapi kita perlu menyangkal sukma dan maju ke dalam roh kita untuk berbahagian dalam dan menikmati Kristus syurgawi agar kita dapat berbahagian dalam rehat kingdom apabila Dia memerintah dalam kingdom milenium.